

Masyarakat kurang faham aspek teknikal, prinsip kewangan Islam

Kuala Lumpur: Masyarakat Malaysia masih kurang pemahaman mendalam dalam aspek teknikal dan prinsip yang berkaitan dengan kewangan Islam, menurut Kajian Indeks Literasi Kewangan Islam 2025.

Kajian itu melaporkan bahawa literasi kewangan Islam diukur melalui tiga dimensi iaitu pengetahuan, tingkah laku dan sikap. Indeks pengetahuan mencatatkan skor 63.2 (sederhana rendah), manakala dimensi tingkah laku memperoleh skor 82.2 dan sikap 85.7.

Secara keseluruhan, literasi kewangan Islam mencatatkan skor 77.0 (sederhana tinggi), menunjukkan asas pemahaman dan pengamalan konsep kewangan Islam

yang kukuh dalam kalangan masyarakat.

Timbalan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Prof Emeritus Datuk Dr Mohd Yusof Othman berkata, usaha perlu dipergiatkan untuk meningkatkan tahap pengetahuan supaya kuat dari segi sikap dan tingkah laku dalam memahami kewangan Islam.

“Jurang ini menunjukkan masyarakat kita cenderung mengamalkan nilai-nilai Islam, tetapi kurang pemahaman mendalam terhadap aspek teknikal dan prinsip yang mendasari keputusan kewangan itu sendiri. Ini menjadi cabaran utama dalam agenda pendidikan kita,” katanya ketika berucap di Majlis Literasi Kewangan Islam: Maqasid Menuntun Arah, Ilmu Menyokong Falaḥ, kelmarin.

Beliau turut menekankan kepentingan meningkatkan kefahaman dalam aspek perancangan kewangan jangka panjang seperti pengumpulan dan pengagihan harta.

“Kedua-duanya dengan skor 45.0 dan 55.0 menunjukkan betapa pen-

tingnya tumpuan kita terhadap isu wasiat dan pewarisan bagi menjamin kelangsungan kesejahteraan kewangan keluarga,” katanya. - BERNAMA